

## **BAB DUA**

**SAYYĪD AL-SHARĪF AL-JURJĀNĪ DAN *KITĀB SHARḤ***

***AL-MAWĀQIF***

## 2.0 Pendahuluan

Nama Abū al-Hasan al-Jurjānī atau lebih dikenali dengan gelaran al-Sayyīd al-Sharīf merupakan antara nama yang masyhur apabila memperkatakan tentang tokoh-tokoh Madhhab Ashā‘irah. Beliau adalah seorang tokoh *khalaf* di Parsi yang paling menonjol pada kurun ke-15 Masihi dalam membicarakan ‘Ilm Kalām<sup>1</sup>. Untuk mengetahui siapakah beliau secara lebih terperinci, kajian menyediakan biodata penuh beliau di sini.

### 2.1 Biodata Al-Jurjānī

Nama penuh beliau ialah ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Sayyīd al-Zayn. Beliau dilahirkan pada tahun 740 Hijriah bersamaan dengan 1399 Masihi di perkampungan Taj berhampiran kota Astarabad iaitu sebuah kota yang terletak di bahagian tenggara lautan Qawzin dalam negara Iran<sup>2</sup>. Beliau bermazhab *Hanafi* dalam *Fiqh* dan Ashā‘irah dalam akidah. Dicatatkan bahawa beliau digelar dengan gelaran “Abū al-Hasan” dan mempunyai pertalian darah dengan Nabi s.a.w daripada keturunan Ḥusīn bin ‘Alī r.a.

Pada permulaannya, al-Jurjānī dikenali oleh masyarakat setempat dengan nama ‘Alī bin Muḥammad malah sejumlah besar karangan beliau dirujuk kepada nama ini. Walau bagaimana pun, setelah bakat beliau terserlah dalam arena penulisan, nama “al-Sayyīd al-Sharīf” sinonim menjadi sebutan sesuai dengan ketokohan dan keilmuan beliau.

Al-Sakhāwī telah menyebut di dalam karyanya *al-Daw’ al-Lāmi‘* bahawa Ibn Sabṭah telah menerangkan mengapa al-Jurjānī digelar dengan panggilan “al-Sayyīd al-Sharīf”<sup>3</sup> disebabkan oleh tiga faktor:

<sup>1</sup> Ahmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zakī Khurshīd, ‘Abd al-Hamīd Yūnus, Ḥafiz Ḥalāl (t.t), *Dāirah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah naqalaha ilā al-Lughah al-‘Arabiyyah*, juz. 6, (T.T.P), (T.P), h. 333-334.

<sup>2</sup> Al-Sakhāwī, Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhāwī al-Naqid (t.t), *al-Daw’ al-Lāmi‘ li Ahl al-Qarn al-Tāsi‘*, juz. 5, j. 3, Bayrūt: Dār Maktabah al-Hayāh, h. 327.

<sup>3</sup> Al-Sakhāwī (t.t) op. cit., 328.

**Pertama:** Nasab keturunan al-Jurjānī yang bersalur-galur dengan *ahl al-Bayt Rasūlillāh* s.a.w. dan gelaran ‘*al-Sayyid*’ jelas membuktikan nasab ini<sup>1</sup>. Manakala ‘*al-Sharīf*’ di ambil daripada gelaran datuk beliau ‘Alī al-Sayyid al-Sharīf al-Zayn.

**Kedua:** Kepakaran al-Jurjānī dalam bidang mantik dan teoretikal telah mengangkat ketokohan beliau dalam mengungguli disiplin falsafah dan ‘*Ilm al-Kalām*’ di Kota Jurjan<sup>2</sup>. Oleh kerana keunggulan ini, beliau digelar dengan gelaran “*sayyid*” yang bererti ‘tuan’ iaitu tuan yang mengepalai bidang falsafah dan ‘*Ilm al-Kalām*.

**Ketiga:** “*Al-Sayyid al-Sharīf*” merupakan suatu gelaran yang membezakan peribadi dan ketokohan ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī daripada tokoh-tokoh sarjana Islam yang lain di Parsi terutamanya daripada Kota Jurjan. Kesemua mereka dinasabkan dengan Kota Jurjan dan digelar dengan gelaran “*al-Jurjānī*” atau “*Jurjāniyūn*”. Antara sarjana tersebut ialah;

- (i) Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Abd al-Karīm (meninggal 347H). Beliau merupakan seorang qadi yang tersangat faqih dalam Madhhab *Hanafi* dan pengarang kepada kitab *al-Jāmi‘ al-Saghīr li al-Shībānī fī al-Furū‘*<sup>3</sup>.
- (ii) Muḥammad bin Ja‘far bin Badīl al-Khazā‘ī Abū al-Fadl (m.408H). Beliau merupakan pakar ilmu *Hadīth* dan seorang qari al-Qur’ān yang masyhur<sup>4</sup>.
- (iii) ‘Abd al-Qāhir (meninggal 471H). Seorang pakar dalam Bahasa Arab, penyusun kaedah ilmu *Balāghah* dan pengasas kepada ilmu *Bayān*.
- (iv) Abū al-Ḥusīn ‘Alī (meninggal 392H). Beliau merupakan qadi Kota Jurjan dan Ray yang gemar menghayati syair<sup>5</sup>.

---

<sup>1</sup> Iaitu daripada keturunan Muḥammad bin Zayd al-Dā‘ī (meninggal pada 287H/ 900M) yang merupakan generasi ke 13 bernasab dengan Rasulullah s.a.w.

<sup>2</sup> Dahulunya dikenali sebagai kota Astarabad, bandaraya kepada wilayah Golestan.

<sup>3</sup> Al-Jalabī, al-Mawlā Khāṭib al-Jalabī (t.t), *Kashf al-Zunūn an Asāmā al-Kutub wa al-Funūn*, j 6, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 35.

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 49.

<sup>5</sup> Malah beliau dikurniakan satu gedung khas untuk menyimpan syair-syair yang dihadiahkan oleh pemerintah Kota Jurjan. Lihat Ahmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus, Ḥafiz Halāl (t.t), *op. cit.*, h. 333-334.

Al-Jurjānī mendapat jolokan tokoh konservatif ‘Ilm al-Kalām terunggul kurun ke-15 Masihi di Parsi. Jolokan ini diberikan kepada beliau berikutan keistimewaan manhaj yang digunakan oleh beliau dalam mengupas permasalahan metafizik, khususnya ‘Ilm al-Kalām. Keistimewaan manhaj tersebut terletak pada pengabungan antara pendalilan epistemologi dengan manhaj yang digunakan oleh para *al-Salaf al-Šālih*. Manhaj ini telah mendapat pengiktirafan daripada tokoh-tokoh sarjana Islam selepas daripada beliau seperti al-Karmānī dan al-Abhārī daripada Madhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah<sup>1</sup>.

Al-Maqrīzī meriwayatkan bahawa al-Jurjānī memiliki ketokohan yang tinggi dalam ‘Ilm al-Kalām yang mana ia setanding dengan tokoh-tokoh besar mutakallimun yang lain. Ketokohan beliau ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada anak beliau Sayyid al-Shams Muhamad. Ibn Sabṭah menceritakan bahawa Sayyid al-Shams Muhamad ini mahir dalam pelbagai disiplin ilmu tetapi meninggal dunia pada usia yang muda iaitu ketika berumur 40 tahun. Walau bagaimana pun, beliau sempat mengalih bahasa dua karya mantik bapa beliau iaitu *al-Kubrā* dan *al-Sughrā* yang ditulis di dalam Bahasa Parsi kepada Bahasa Arab<sup>2</sup>.

Di samping dikenali sebagai seorang tokoh ‘Ilm al-Kalām, al-Jurjānī juga dikenali mahir dalam berbagai bahasa. Beliau dikenal pasti mahir berbahasa ‘ibrānī di samping Bahasa Arab dan Parsi. Ini terbukti melalui hasil karya beliau *al-Ta’rīfāt*. Ia merupakan sebuah kamus yang menghimpunkan ribuan istilah ilmu falsafah dalam pelbagai bahasa yang disisipkan dengan maksudnya dalam Bahasa Arab<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Al-Dimyāṭī, Maḥmūd ‘Umar (1998), *al-Taḥqīq ‘alā Sharḥ al-Mawāqif*, j.1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 1.

<sup>2</sup> Al-Sakhawī (t.t), *op. cit.*, h. 328-330.

<sup>3</sup> *Al-Ta’rīfāt* merupakan karya yang paling mashyur dalam bidang bahasa oleh al-Jurjānī dan ia telah menjadi rujukan utama pemakaian dan pengolahan maksud istilah-istilah falsafah dunia moden dalam pelbagai cabangnya samada ontologi atau psikologi. Ia mempunyai variasi cetakan yang berbagai antaranya: Leipzig, Jerman pada tahun 1845M; Istanbul 1837M; Kaherah 1283H, 1306H; Saint Petersburg 1897M.- Lihat Ahmad al-Shintanawī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus, Ḥafīẓ Ḥalāl (t.t), *op.cit.*, h. 333-334.

Al-Jurjānī meninggal dunia pada tahun 816 Hijrah bersamaan dengan 1413 Masihi di Kota Shiraz setelah 76 tahun mengharungi kehidupan ilmiah di kota-kota masyhur di tanah Arab. Beliau telah mengharumkan dunia Islam dengan wangian iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagaimana beliau warisinya daripada *al-Sābiqūn al-Awwalūn*.

## 2.2 Latar Belakang Pendidikan Al-Jurjānī

Al-Jurjānī telah mengharungi zaman pendidikan yang bervariasi dan berperingkat. Semenjak kecil beliau telah tertarik kepada ilmu. Pada masa ini, beliau telah didedahkan kepada ilmu Bahasa Arab seperti *Nahū*, *Balāghah* dan *Bayān* yang mana perkembangan ilmu-ilmu ini amat pesat berkembang di Kota Jurjan. Bermula dengan pendedahan kepada ilmu-ilmu ini, beliau terus-menerus meminati bidang ilmu-ilmu yang lain seperti *Manṭiq*, perubatan, astronomi dan *Fiqh*. Di sini dirumuskan peringkat-peringkat pembentukkan sahsiah ilmuwan beliau.

### Pertama: Kota Jurjan

Kota Jurjan merupakan salah sebuah tempat di negara Parsi yang menjadi sebutan ilmuwan dan sejarawan dunia. Mereka mengaitkannya dengan kemewahan tamadun dan peradaban ilmu. Justeru, tidak hairan mengapa ramai sarjana Islam didominasi oleh orang Parsi pada suatu ketika dahulu. Bahkan ramai ilmuwan Islam serata dunia menziarahi Kota Jurjan semata-mata ingin menceduk manira ilmu daripada alim-ulama' yang menghuninya, antara yang menziarahinya ialah al-Ghazzālī al-Tūsī<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup> Al-Ghazzālī telah memilih untuk berada di Kota Jurjan demi mengasah dan membentuk peribadi ilmiah beliau. Beradanya beliau di sini meninggalkan nostalgia yang mendalam kepada beliau. Ini terbukti tatkala beliau di ambang kemasyhuran, Kota Jurjan sentiasa menjadi sebutan beliau dihadapan murid-murid beliau tentang keistimewaananya dan guru-guru yang beliau temui padanya. Lihat Muhd Abduh bin Samah (2006M), “Pemikiran Akidah Al-Imām Al-Ghazzālī Dalam Kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*: Analisis Terhadap Kitab *Qawā'id Al-'Aqā'id*” (Disertasi MA, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 19.

Di tempat kelahiran sendiri, al-Jurjānī telah mendapat pendidikan asas dalam ilmu Bahasa Arab, *Tafsīr*, *Fiqh*, *Manṭiq* dan *Tārīkh*. Ilmu-ilmu ini didalami dengan bersungguh oleh beliau sehingga beliau mampu menguasainya dengan baik.

Ibn Sabṭah meriwayatkan bahawa al-Jurjānī bukan sahaja sekadar mempelajari ilmu-ilmu ini daripada alim-ulama' yang masyhur di Kota Jurjan malah beliau giat menghasilkan huraian (*sharah*) kepada apa yang dipelajari meskipun pada usia yang masih muda. Buktinya, tulisan sulung beliau yang menghuraikan sebuah kitab yang membahaskan ilmu *Ma‘āni* yang dikarang oleh al-Tūsī berjudul *al-Miftāh*. Huraian al-Jurjānī tersebut dinamakan *Sharḥ al-Miftāh fī ‘Ilm al-Lughah*<sup>1</sup>.

Dalam lapangan *Tafsīr*, al-Jurjānī telah berguru dengan sekumpulan ulama' *Tafsīr* yang dikenali dengan panggilan ‘*Mufassirūn Zahrawīn*’. Beliau telah membukukan pengajian beliau bersama Sheikh ‘Umar al-Bahyamānī salah seorang *mufassir* itu dan menamakan buku tersebut dengan *kitāb al-Kashaf ma‘a al-Kashf li al-Sirāj*. Pada kesempatan yang sama, al-Jurjānī juga berguru dengan anak Sheikh ‘Umar al-Bahyamānī yang bernama Mulakhaṣ al-Dīn Abī al-Khayr ‘Alī. Daripada beliau, al-Jurjānī mempelajari kitab *Sharḥ al-Miftāh li al-Qutub*<sup>2</sup>.

## Kedua: Kota Kaherah

Di Kota Kaherah, al-Jurjānī telah mempelajari ilmu ‘*Aqīdah* dan *Fiqh* di samping konsisten mendalami *Tafsīr* dan Bahasa Arab. Antara guru yang dilawati oleh al-Jurjānī semasa di Kota Kaherah ialah al-Allāmah Akmāl al-Dīn yang masyhur alim dalam *Fiqh*, *Manṭiq* dan *Tafsīr*. Beliau juga merupakan seorang yang pakar dalam ilmu *muṣṭalaḥah al-Hadīth*, *Tārīkh*, *Usūl al-Fiqh* dan Bahasa Arab<sup>3</sup>.

<sup>1</sup> Kitab ini dinamakan sedemikian sempena permulaan langkah ilmiah al-Jurjānī dalam bidang ilmu. Beliau berkata: “sebaik-baik jalan mengenal ilmu ialah mengenal nama dan keistimewaannya”.- Lihat al-Sakhāwī (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 328.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 328.

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. 329.

Di Kaherah juga al-Jurjānī telah berguru dengan Imām Sa‘d al-Dīn al-Taftāzānī<sup>1</sup> selama empat tahun. Daripada beliau, al-Jurjānī mendalamai *Manṭiq* dan ‘Ilm al-Kalām. Hasil bersama dengan gurunya ini, al-Jurjānī menampakkan minat yang mendalam dalam membahaskan permasalahan ‘Aqīdah.

Dengan minat ini, ia membawa al-Jurjānī bertemu dengan al-‘Allāmah Mubārakshah, salah seorang murid kepada al-Ījī. Daripada Mubārakshah, al-Jurjānī telah mempelajari kitab *al-Mawāqif*. Di samping mempelajarinya, beliau telah menghuraikannya dan menamakan huraian tersebut sebagai *Sharḥ al-Mawāqif al-Sultāniyyah*<sup>2</sup>.

Walaupun al-Ījī<sup>3</sup> dan al-Jurjānī berasal dari tanah air yang sama<sup>4</sup> namun mereka berdua tidak sempat bertemu sungguhpun usia al-Jurjānī sebaya dengan usia murid-murid al-Ījī yang lain. Ibn al-‘Imād menerangkan mengapa mereka berdua tidak dapat bertemu disebabkan oleh dua faktor:

a) **Faktor situasi:** Ketika al-Jurjānī meningkat dewasa, al-Ījī telah difitnah dan dipenjarakan. Dengan sebab ini, al-Jurjānī tidak sempat berguru dengan al-Ījī walaupun beliau telah mengetahui ketokohan dan keilmuan al-Ījī.

---

<sup>1</sup> Nama penuh beliau ialah Mas‘ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh. Beliau dilahirkan pada bulan *Safar* tahun 724 Hijrah di perkampungan Taftazan, sebuah kawasan di unjur'an Kota Nasa iaitu sebuah kota di Kharasan. Beliau mendapat pendidikan awal di tanah air beliau sendiri dan kemudian berhijrah ke Samarcand. Di sini beliau telah bertemu dan berguru dengan ‘Aḍd al-Dīn al-Ījī. Kemudiannya beliau berpindah ke Kota Jurjan pada 742 Hijrah. Di sini beliau telah menulis huraian kepada kitab karangan al-Zanjānī dalam bidang Bahasa Arab dengan memberi judul *al-Taqīf*. Di samping itu, ramai juga murid yang datang berguru dengan beliau semasa di sini. Pada tahun 748 Hijrah, beliau menuju ke Kota Harrat dan menghadiahkan karangan ulung beliau iaitu *al-Muqtūl ‘alā al-Talkhiṣ* kepada raja Harrat, Mu‘iz al-Dīn Abī al-Husnīn. Beliau menghabiskan banyak masa mengembara dan mengarang kitab-kitab dan juga *sharḥ* sehingga karya beliau dianggarkan berjumlah melebihi 100 buah. Beliau meninggal dunia pada tahun 793 Hijrah. Ibn ‘Imād, Abī al-Fallāh ‘Abd al-Hayy bin al-‘Imād al-Hanbalī (1351H), *Shadharrāt al-Dhahab*, juz. 6, (T.T.P): Maktabah al-Quds, h. 319.

<sup>2</sup> Al-Sakhawī (t.t), op. cit., j. 5, h. 329.

<sup>3</sup> Nama penuh beliau ialah ‘Abd al-Rahmān bin Rakn al-Dīn Aḥmad bin ‘Abd al-Ghaffār al-Bakrī al-Qādī, ‘Aḍd al-Dīn al-Ījī. Pakar dalam ‘Ilm al-Uṣūl dan *al-Ma‘āni*. Beliau difitnah dan diseksa oleh Karmān iaitu pemerintah negara Parsi. Beliau dipenjarakan di dalam kubu istana sehingga mati syahid pada tahun 756 Hijrah. Al-Jalabī (t.t), op. cit., j. 5, h. 527.

<sup>4</sup> Iaitu Īj yang merupakan sebuah wilayah di persisiran pantai Shiraz.

**b) Faktor keselamatan:** Ancaman pemerintah Parsi kepada mereka yang mempunyai kaitan dengan al-Ījī. Ancaman ini mengakibatkan ibu bapa al-Jurjānī milarang beliau mendekati al-Ījī<sup>1</sup>.

Dicatatkan bahawa al-Jurjānī telah menghabiskan masa pengajian yang lama di Kota Kaherah berbanding di kota-kota yang lain<sup>2</sup>.

### Ketiga: Kota Harrat

Kota Harrat merupakan sebuah kota yang berada di sebelah barat daya Afghanistan. Ia juga merupakan salah sebuah kota yang masyhur sebagai pusat tamadun Islam. Ia dilawati oleh ramai cendiakawan daripada serata pelusuk dunia untuk berbincang dan bertukar pendapat. Lawatan mereka ini menyebabkan al-Jurjānī mengambil peluang untuk berada di Kota Harrat bagi mendengar dan mengambil pengalaman daripada perbincangan mereka. Di sini beliau telah mempelajari ilmu Falsafah dan astronomi di samping memperkasakan *Manṭiq*, *Bayān* dan *Balāghah*.

Al-Sakhāwī mencatatkan bahawa al-Jurjānī telah melawati Kota Harrat setelah ketokohan beliau terserlah di Kota Kaherah. Oleh kerana itu, setibanya beliau di Kota Harrat, beliau tidak dilayan sebagai seorang *muriḍ* bahkan diraikan sebagai seorang guru (*mu‘allim*)<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Ibn al-‘Imād (1351H), *op. cit.*, h. 318.

<sup>2</sup> Dicatatkan hampir 10 tahun.

<sup>3</sup> *Ibid.*

## **Keempat: Kota Samarqand**

Lawatan al-Jurjānī ke Kota Samarqand bukanlah di atas kerelaan hati beliau atau jemputan teman-teman di sana, namun ia berlaku di atas desakan dan kemaslahatan bagi dunia ilmiah Islam.

Sebelum ke Kota Samarqand, al-Jurjānī telah pulang ke Kota Shiraz setelah lebih 30 tahun mengembara menghimpun ilmu dan pengalaman. Kepulangan beliau ini sebenarnya mematuhi nasihat guru beliau al-Taftāzānī dan pelawaan daripada al-Shāh Shujā‘ bin Muḥammad Muzaffar, gabenor Kota Shiraz. Sekembalinya al-Jurjānī ke tanah air, beliau dianugerahkan jawatan guru dan diminta mengajar di Kota Shiraz. Perlantikan tersebut berlaku pada tahun 779 Hijrah.

Pada tahun 789 Hijrah, Timūr<sup>1</sup> panglima Mongolia telah menyerang Kota Shiraz setelah memusnahkan kota-kota besar Islam yang lain termasuk Damshiq dan Baghdad. Serangan ini mengakibatkan penduduk Kota Shiraz termasuklah al-Jurjānī ditawan oleh tentera Timūr.

Untuk beberapa ketika, al-Jurjānī telah ditawan di tanah air sendiri sehingga ditebus oleh Bīr Muḥammad Ghiyāth al-Dīn Bīr ‘Alī<sup>2</sup> dan dibawa ke Kota Samarqand<sup>3</sup>. Di kota ini, al-Jurjānī dianugerahkan sebuah dewan khas untuk menyampaikan pengajaran di samping menjadi tempat perbincangan beliau bersama ilmuwan lain khasnya al-Taftāzānī, al-‘Alā’ al-Rūmī dan ‘Alī bin Mūsā. Al-Jurjānī mendapat

---

<sup>1</sup> Dikenali juga dengan nama Timūr *al-A’raj* (737- 808H/ 1336-1305M). Dia merupakan panglima kanan kerajaan Mongolia yang mempunyai nasab keturunan dengan Genghiz Khān yang telah memporak-perandakan kerajaan Syiria, ‘Iraq dan kebanyakan kerajaan barat Islam pada suatu masa dahulu. Baghdad juga turut dimusnahkan oleh tentera Timūr pada tahun 795H/1393M, dan daripada kemusnahaan kota ini bermulalah kemusnahaan kota-kota Islam yang lain.- Lihat al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (2003), *op. cit.*, h. 208.

<sup>2</sup> Beliau merupakan salah seorang pegawai pemerintah di bawah pentadbiran Timūr. Beliau juga merupakan saudara kepada Malik Muḥammad al-Sarkhī bin Malik Mu‘iz al-Dīn Ḥusīn Kurt. Dipercayai beliau juga yang telah menebus al-Taftāzānī daripada menjadi tawanan tentera Timūr dan memindahkan beliau ke Sarkhīs. Lihat al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin al-Kamāl (1957), *Baghiyyah al-Wa‘āh, al-Qāhirah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlād*, h. 391.

<sup>3</sup> Ahmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus, Ḥafiz Ḥalāl (t.t), *op.cit.*, h. 333.

sanjungan yang tinggi daripada penduduk Kota Samarqand sehingga ramai daripada mereka yang mengagumi beliau sebagaimana kebiasaan bangsa Balkhan<sup>1</sup>.

Pada tahun 807 Hijrah, Timūr telah menemui ajalnya. Kematiannya mengakibatnya kuasa penaklukannya ke atas dunia Islam mulai menyusut. Dengan kesempatan ini, al-Jurjānī kembali pulang ke tanah air dan menghabiskan baki usianya di sana. Berkata Abū Futūḥ al-Tawūsi:

Al-Jurjānī telah meninggal dunia pada 6 *Rabi'* *al-Akhir* dan jasad beliau disemadikan berhampiran Masjid al-'Atiq di dalam Kota Shiraz. Kawasan makam beliau ini dinamakan Medan *Sawāhān* yang mana kawasan ini telah dibina sendiri oleh beliau semasa hidupnya. Semoga Allāh merahmati ruh beliau serta keluarga dan pengikut beliau<sup>2</sup>.

Daripada catitan mengenai pengembalaan ilmu al-Jurjānī, menggambarkan beliau seorang yang gigih dan tekun menimba ilmu. Bersifat dengan sifat *muriid* yang sejati iaitu merendah diri, ikhlas dalam menyampaikan ilmu dan berpendirian terbuka. Inilah yang melayakkan beliau ditabalkan sebagai tokoh ilmuwan yang seharusnya diikuti oleh ilmuwan Islam kini<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Al-Sakhawī (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 328.

<sup>2</sup> Di antara murid-murid al-Jurjānī yang masyhur ialah: Al-Riyāḍ al-Shahīr Qāḍi Zādah al-Rūmī; Fath Allāh al-Sharwānī; Fakhr al-Dīn al-'Ajmī. *Ibid.*, h. 329.

<sup>3</sup> Catitan tambahan mengenai al-Jurjānī; pada usia tua beliau disifatkan berjanggut putih dengan wajah yang bercahaya. Petah ketika berucap. Kaya dengan ibarat dan bahasa yang indah. Mahir dalam pidato dan tinggi semangatnya bahkan al-Maqrīzī menyifatkan al-Jurjānī lebih *rājīh* daripada guru beliau al-Taftāzānī. Al-Sakhawī (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 328.

## 2.3 Kisah Al-Jurjānī Bersama Timūr

Kisah ini telah dinukilkan oleh Ibn al-‘Imād daripada kitab *al-Manhal al-Şāfi* karangan Bardī. Tujuan Ibn al-‘Imād menukilkan kisah ini adalah untuk membuat penilaian semula terhadap apa yang telah digambarkan oleh Bardī<sup>1</sup>.

Bardī menyebutkan bahawa al-Jurjānī juga dikenali dengan panggilan “*barakah al-Sharīf*”. Panggilan “*barakah*” ini sebenarnya telah diberikan oleh Timūr kepada al-Jurjānī. Ia berpunca daripada kepercayaan kuat Timūr terhadap kekeramatannya (*karāmah*) al-Jurjānī yang mana melaluinya kota-kota besar yang lain di Parsi mampu ditawan dengan mudah. Kepercayaan Timūr ini bertambah kuat tatkala dia berjaya memerangi tentera Balkhan.

Diriwayatkan bahawa telah tercetus konflik di antara Timūr dengan Sultān Husīn, pemerintah Balkhān pada tahun 771 Hijrah. Konflik ini berlarutan sehingga kemuncaknya iaitu pertempuran antara kedua-duanya yang dikenali dengan peristiwa Qan. Pertempuran di perbatasan Turkistan ini menyaksikan ramai tentera Timūr tewas dan terbunuh dan sebahagian yang terselamat melarikan diri bersamanya.

Di kala memikirkan tentang kekalahannya, Timūr menyeru al-Jurjānī yang ketika itu sedang menuju ke arahnya: “Wahai tuan, lihatlah keadaan saya ini!”. Al-Jurjānī menjawab: “Janganlah kamu takut”. Lalu beliau mengambil segenggam tanah dan melontarkannya ke arah bala tentera Sultān Husīn seraya menjerit: “*baghi fekhti*” dalam bahasa Turki yang bermaksud: “Wahai musuh, larilah kamu!” Mendengar jeritan al-Jurjānī tersebut, Timūr dan diikuti tenteranya turut sama menjerit sambil meluru menerkam tentera musuh. Ternyata dengan apa yang dilakukan oleh al-Jurjānī, Timūr berjaya memerangi musuh mereka sungguhpun pada permulaannya mereka dikalahkan. Demikianlah kisah al-Jurjānī bersama Timūr sebagaimana dicitrakan oleh Bardī.

---

<sup>1</sup> Bardī, Ibn Taghrī Bardī (t.t), *al-Manhal al-Şāfi*, j. 3, (T.T.P) (T.P), h. 356.

Walau bagaimana pun, kisah ini dinafikan kesahihannya oleh Ibn al-‘Imād malah beliau menyifatkan kisah ini adalah palsu jika ia menceritakan sahsiah al-Jurjānī atau kisah ini sebenarnya telah menggambarkan individu lain yang mana dia bukanlah al-Sayyīd al-Sharīf al-Jurjānī. Ibn al-‘Imād berkata:

Dan walau bagaimana pun, saya tidak menyakini beliau (al-Jurjānī) yang menjadi perantaraan kemaslahatan Timūr dan sebagai penyokong untuk merealisasikan tujuan kufurnya. Segala urusan beliau saya serahkan kepada Allāh SWT<sup>1</sup>

Pada penulis pula, tanpa dipengaruhi oleh sikap preventif, apa yang digambarkan oleh Bardī adalah bertentangan dengan sahsiah sebenar al-Jurjānī. Penulis membuktikan kenyataan ini dengan beberapa hujah:

### **Pertama: Pengenalan al-Jurjānī dengan panggilan “*barakah al-Sharīf*”**

Merujuk kepada *Shadharrāt al-Dhahab*, selain al-Jurjānī, Sharīf ‘Alwī juga dipanggil dengan panggilan “*barakah al-Sharīf*”. Mengikut satu pendapat, Sharīf ‘Alwi berasal dari Parsi dan kemudian berhijrah ke Mesir dan seterusnya ke Samarqand. Dari pendapat yang lain, beliau berasal dari Madinah atau Kota Mekah<sup>2</sup>, beliau juga hidup sezaman dengan al-Jurjānī. Justeru, identiti sebenar *barakah al-Sharīf* masih belum dapat dipastikan sama ada dia adalah al-Jurjānī atau Sharīf ‘Alwī.

---

<sup>1</sup> Ibn al-‘Imād (1351H), *op. cit.*, j. 6, h. 43.  
<sup>2</sup> *Ibid.*

## **Kedua: Pengembaraan ilmiah al-Jurjānī**

Sebagaimana yang dicatatkan oleh al-Nāqid al-Sakhāwī dan *Dā’irah al-Ma’ārif al-Islāmiyyah*<sup>1</sup>, al-Jurjānī telah merantau mencari ilmu dalam satu jangka masa yang lama tanpa memberi ruang kepada beliau untuk terlibat dengan politik. Justeru, bagaimanakah terdapat kisah yang memperlihatkan wujudnya satu ketika yang mana al-Jurjānī sempat berjinak-jinak dengan pembesar-pembesar dan melibatkan diri dengan kancalah peperangan?

## **Ketiga: Keakraban al-Jurjānī dengan pemerintah-pemerintah Islam**

Al-Jurjānī dihormati dan disegani oleh pemerintah-pemerintah Islam. Bagaimana penulis melihat pelawaan yang ditawarkan oleh gabenor Kota Shiraz, al-Shāh Shujā‘ dan perlindungan yang diberikan oleh Bīr Muḥammad, menunjukkan pemerintah-pemerintah ini menghormati al-Jurjānī. Justeru, adalah tidak wajar beliau membala penghormatan yang diberikan dengan pembelotan, khianat dan membinasakan umat Islam sendiri dengan bersengkongkol melakukan kezaliman bersama Timūr.

Bagaimana wajarnya al-Jurjānī menyokong Timūr memerangi Sultān Husīn dan melupai kekejaman Timūr terhadap penduduk Islam di kota Baghdād dan Dimashq? Apakah wajar tindakan sedemikian ditampilkan oleh seorang yang belajar ilmu Allāh yang mana Dia bersifat dengan *al-Jabbār* dan *al-Muntaqīm*? Apa yang jelas, al-Jurjānī sendiri telah ditawan oleh Timūr dan ini memustahilkkan gambaran beliau bersekutu dengan Timūr.

---

<sup>1</sup>Al-Sakhāwī (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 328-330. Ahmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Hamīd Yūnus, Hafiz Halāl (t.t), *op. cit.*, h. 333-334.

## 2.4 Karya al-Jurjānī

Al-Sakhāwī meriwayatkan al-Jurjānī telah menghasilkan 50 karya yang masyhur<sup>1</sup>.

Karya-karya tersebut merangkumi disiplin ilmu yang berbagai. Antaranya ialah;

### (a) Kamus:

1. *Al-Ta‘rifāt*<sup>2</sup>.

### (b) Kaedah Bahasa Arab

2. *Shurūh ‘alā Sharh al-Taftāzāni* ‘alā *Talkhiṣ al-Miftāh* al-Qazwīnī<sup>3</sup>. Kitab ini juga dikenali dengan nama *Sharh al-Muṭūl*.
3. *Shurūh ‘alā Sharh al-Bukhārī* ‘alā *Kitāb Hikmah al-‘Ayn*<sup>4</sup>.
4. *Sharh ‘alā Juz’ al-Thālith min Mafātiḥ al-‘Ulūm al-Sakāki*<sup>5</sup>.
5. *Sharh al-Ridā*.
6. *Sharh al-Tufāh*.

### (c) *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*:

7. *Kitāb al-Tafsīr* al-Zahrawīn.
8. *Kitāb al-Mukhtaṣar al-Tawāli* ‘al-Asbahānī.
9. *Sharh al-Tawāli* ‘al-Asbahānī.
10. *Sharh al-Tadhkirah* Naṣīr al-Dīn al-Ṭūsī<sup>6</sup>.

<sup>1</sup> Al-Sakhāwī (t.t), *op. cit.*, h. 328-330.

<sup>2</sup> Mempunyai variasi cetakan yang berbagai. Antaranya cetakan Leipzig tahun 1845M; Istanbul 1837M; Kaherah 1283H dan 1306H; Saint Petersburg 1897M.- Lihat Ahmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus, Ḥafiz Halāl (t.t), *op.cit.*, h. 333.

<sup>3</sup> Al-Qazwīnī adalah gelaran kepada Sheikh Jalāl al-Dīn bin ‘Abd al-Raḥmān al-Qazwīnī al-Shāfi‘ī. Dikenali dengan gelaran *Khaṭīb Dimashq*.- Lihat Ibrāhīm Shams al-Dīn (2001), *Hāsyiah Sharh al-Maqāṣid*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 8.

<sup>4</sup> Cetakan Culcatta 1845M.- Lihat Ahmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus, Ḥafiz Halāl (t.t), *op.cit.*, h. 334.

<sup>5</sup> Al-Sakāki adalah gelaran yang diberikan kepada al-‘Allāmah Sirāj al-Dīn Abī Ya‘qūb Yūsuf bin Abī Bakr al-Sakāki.- Lihat Ibrāhīm Shams al-Dīn (2001), *op. cit.*, h. 8.

<sup>6</sup> Nama penuh beliau ialah Naṣīr al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin al-Ḥusīn (597-672H/1200-1273M). Ahli falsafah dan juga astronomi. Dilahirkan di Tus dan meninggal di Baghdad. Pernah berkhidmat sebagai pegawai atasan di bawah pemerintahan Hulak dan Towwar daripada kerajaan Mongolia. Antara karya beliau yang masyhur ialah *al-Jibrā* (*Algebra*); *al-Muqābalah*; *Tahrīr Uṣūl*

11. *Hāshiyah al-Kashāf* al-Zamakhshārī<sup>1</sup>.
12. *Hāshiyah Tafsīr* al-Bayḍāwī.
13. *Hāshiyah al-Khulāṣah* al-Tibbī.
14. *Hāshiyah al-Awārif wa al-Hidāyah* al-Ḥanafī.
15. *Hāshiyah al-Maṭāli‘*.

**(d) *Al-Fiqh*:**

16. *Sharḥ ‘alā Farā’id al-Ḥanadiyyah al-Sirājiyyah wa al-Wiqāyah al-Saḥāwandi*<sup>2</sup>.
17. *Hāshiyah al-Mishkāh*.
18. *Hāshiyah Hul Mushkilah*.

**(e) *Manṭiq*:**

19. *Kitāb al-Uṣūl al-Manṭiqiyyah*<sup>3</sup>.
20. *Kitāb al-Ṣughrā wa al-Kubrā*.
21. *Sharḥ Tahrij Iqlīdis* al-Tūsī.
22. *Hāshiyah Tahrij al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah Quṭub al-Dīn al-Rāzī*<sup>4</sup>.

---

<sup>1</sup> *Iqlīdis; Asās al-Iqtibās; Tajrīd al-Kalām*. Lihat al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (2003), *op. cit.*, h. 802.

<sup>2</sup> Al-Zamakhshārī adalah gelaran kepada Maḥmūd bin ‘Umar Abū al-Qāsim (meninggal dunia 538H/1144M). Merupakan seorang pakar ilmu Bahasa Arab, *Tafsīr* dan juga seorang tokoh pemikir Islam yang ber*Madhab* Mu‘tazilah. Beliau adalah pengarang kepada kitab *Asās al-Balāghah; al-Mufassal; al-Kashāf*. *Ibid.*, h. 583.

<sup>3</sup> Cetakan Maktabah Qāsān 1889M dan 1893M. Lihat Aḥmad al-Shintanāwī, Ibrāhīm Zākī Khurshīd, ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus, Ḥafiz Ḥalāl (t.t), *op.cit.*, h. 333.

<sup>4</sup> Cetakan Kaherah 1328H. *Ibid.*, h. 334.

<sup>4</sup> Quṭub al-Dīn al-Rāzī adalah gelaran kepada Maḥmūd bin Muḥammad al-Rāzī (meninggal 766H). Kitab *Hāshiyah ‘alā Tahrij al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah* dimiliki oleh penulis sendiri yang bertarikh cetakannya tahun 1367H/ 1948M oleh syarikat cetakan Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīhi bi Miṣr.

**(f) Falsafah:**

23. *Kitāb al-Āfāq wa al-Anfūs.*
24. *Kitāb al-Wujūd wa al-‘Adam.*
25. *Sharḥ Hidāyah al-Hikmah.*
26. *Sharḥ Hikmah al-Ishrāq.*
27. *Hāshiyah Tajrīd al-Kalām Naṣīr al-Dīn al-Tūsī.*
28. *Risālah li al-Wujūd fī al-Mawjūd.*
29. *Risālah li al-Wujūd.*

**(g) ‘Ilm al-Kalām:**

30. *Sharḥ ‘alā Kitāb al-Mawāqif al-Sultāniyyah fī ‘Ilm al-Kalām.*
31. *Sharḥ Qaṣīdah Ka‘ab bin Zahīr.*
32. *Sharḥ Matan Ashkāl al-Ta’sīs.*

**(h) Pengurusan dan pentadbiran:**

33. *Kitāb al-Jughmīnī.*
  
- (i) Karya dalam bahasa Parsi**
34. *Kitāb al-Mutawasiṭ.*
35. *Kitāb al-Kāfiyah.*
36. *Kitāb al-Awāmil al-Murjāniyyah.*
37. *Kitāb Manāqib al-Khawājah Bahā’ al-Dīn al-Naqshā Bandī.*
38. *Kitāb Bahsat wa Nasit.*
39. *Shurūḥ Mawsū‘ah Bikujak<sup>1</sup>.*
40. *Sharḥ Naqrikār.*

---

<sup>1</sup> Cetakan Calcutta 1261H, *Ibid.*, h. 333.

41. *Sharḥ al-Khubayṣī.*
42. *Sharḥ al-Talwīḥ wa al-Tawdīḥ wa al-Niṣāb.*
43. *Sharḥ Risālah al-Wadī‘ī.*
44. *Sharḥ Shak al-Ishārāt al-Ṭūsī.*
45. *Risālah al-Muqadimah fī al-Şarf.*
46. *Risālah al-Muqadimah fī al-Harf.*
47. *Risālah al-Muqadimah fī al-Şawt.*
48. *Risālah Ajwibah As’ilah Iskandar Sultān Tabrīz.*

## 2.5 Sumbangan Al-Jurjānī Dalam ‘Ilm Al-Kalām

Dalam kajian ini, sumbangan al-Jurjānī dalam bidang ‘Ilm al-Kalam dilihat dari dua aspek. Pertama metodologi yang digunakan oleh beliau dalam mengupas permasalahan *Tawhīd* dan kedua karya ‘Ilm al-Kalām yang dihasilkan oleh beliau. Ini diperincikan sebagaimana berikut:

### 2.5.1 Mendokong Metode Pendalilan

Metode pendalilan (*minhāj istidlāliyyān*) yang dimaksudkan di sini ialah cara membuktikan pemahaman terhadap permasalahan ‘Ilm al-Kalām dengan berpandukan petunjuk yang dikemukakan oleh al-Qur’ān dan al-Sunnah s.a.w.

Pada al-Jurjānī, ‘Ilm al-Kalām merupakan ilmu yang menyentuh iktikad umat Islam. Dengannya mereka mampu mencapai hakikat iman dan taqwa. Justeru, wajib iktikad ini dijelaskan dengan terang berpandukan dalil dan hujah yang sahih dan memuaskan (*iqnā‘*). Jika tanpa dalil dan hujah ini nescaya umat Islam terpinga-pinga

keliru dan memungkinkan mereka berada dalam kesesatan<sup>1</sup>. Pendekatan pembuktian al-Jurjānī ini dapat diperhatikan sebagaimana berikut:

(i) **Mendasari *Manhāj* Madhab *Salaf al-Šāliḥ***

Manhaj al-Jurjānī dalam mengupas permasalahan ‘Ilm al-Kalām adalah seiras dengan manhaj pengupasan (*manhājiyyah al-baḥt*) para *al-Salaf al-Šāliḥ* yang mana mereka memutlaqkan petunjuk wahyu dalam mengupas permasalahan aqidah.

Dalam mendasari manhaj para *al-Salaf al-Šāliḥ* ini, al-Jurjānī menjelaki pemikiran al-Rāzī<sup>2</sup> kerana beliau pada pandangan al-Jurjānī adalah pendokong *manhāj al-Salaf al-Šāliḥ* yang telah berjaya menyusun-atur manhaj tersebut dengan baik dalam mendepani permasalahan ‘Ilm al-Kalām pada zaman beliau<sup>3</sup>.

Penjejakan al-Jurjānī ini amat jelas dapat dilihat pada sifat berhati-hati beliau dalam menzahirkan pendapat. Beliau tidak akan menjelaskan suatu isu melainkan setelah mengemukakan konklusi yang telah dicapai tokoh-tokoh terdahulu. Ini bertepatan dengan panduan al-Rāzī yang menyebut:

Jikalau dibolehkan membahaskan sesuatu permasalahan yang memerlukan pentakwilan [akli] maka lebih utama para Sahabat r.a. dan tabi’in yang mentakwilkannya terlebih dahulu kerana mereka hampir dengan zaman *nubuwah* dan paling arif memahami *asbāb nuzūl* ayat-ayat al-Qur’ān<sup>4</sup>.

---

<sup>1</sup> Al-Jurjānī, al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī (1948), *Hāshiyah ‘alā Tahrīr al-Qawā'id al-Mantiqiyah*, c. 2, al-Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādi, h. 15.

<sup>2</sup> Nama beliau ialah Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusyn bin al-Ḥasan bin ‘Alī al-Tamīmī al-Bakrī al-Ṭabarastānī al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. Dikenali juga dengan gelaran Ibn al-Khaṭīb al-Shāfi'i al-Faqīh. Dilahirkan di Ray pada tahun 543 Hijrah dan meninggal dunia di Harrah pada tahun 606 Hijrah. Lihat Ibrāhīm Shams al-Dīn (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 52.

<sup>3</sup> Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad (1998), *Sharḥ al-Mawāqif*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 9.

<sup>4</sup> Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1994), *Asās al-Taqdīs*, Bayrūt: Dār al-Jīl, h. 207.

## **(ii) Menolak Pentakwilan Mutlaq Akal**

Setiap manhaj yang menjadikan al-Qur'ān dan al-Sunnah sebagai petunjuk maka ia menolak pentakwilan mutlaq akal. Selaras dengan manhaj Madhhab *al-Salaf al-Šālih*, kita dapati al-Jurjānī tidak mengambil takwilan mutlak akal dalam membuktikan pemahaman terhadap permasalahan *'Ilm al-Kalām*. Pentakwilan mutlak akal yang dimaksudkan di sini ialah menjadikan akal sebagai penilai mutlaq setiap perkara sama ada berkaitan dengan hamba maupun dengan Allāh SWT.

## **(iii) Mendokong Manhaj *Waṣaṭiyah***

Setiap panduan yang ditunjukkan wahyu ia menepati apa yang dianalisis oleh akal. Bahkan akal berperanan mengimplementasikan panduan wahyu sesuai dengan tujuan akal diciptakan iaitu sebagai asas pertanggungjawaban (*manat taklīfi*).

Walaupun mendasari manhaj wahyu, al-Jurjānī sama sekali tidak menafikan peranan akal dalam memahami masalah *'Ilm al-Kalām*. Peranan tersebut ialah memahami isu yang dibahaskan dan mengenal pasti dalil serta hujah yang diutarakan apakah ia sahih dan tepat serta mampu membezakannya daripada dalil dan hujah palsu dan salah.

## 2.5.2 Karya ‘Ilm Al-Kalām

Di antara karya yang dibawakan di sini sebagai bukti sumbangan al-Jurjānī dalam bidang ‘Ilm al-Kalām ialah; *Hāshiyah ‘alā tahrīr al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah* dan *Risālah fī bayān marātib al-Mawjūdāt fī al-Mawjūdiyyah*.

### (i) *Hāshiyah ‘alā tahrīr al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah*

Genre karya ini bersifat *hāshiyah*<sup>1</sup>. Ia menghuraikan petikan kandungan sebuah karya *Manṭiq* yang berjudul *Kitāb tahrīr al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah* yang dikarang oleh Quṭb al-Dīn Maḥmūd bin Muḥammad al-Rāzī (m.766H). Karangan Shaykh Maḥmūd al-Rāzī ini pula merupakan huraian (*sharah*) kepada *Kitāb sharḥ Risālah al-Shamsiyyah* yang dikarang oleh Najm al-Dīn ‘Umar bin ‘Alī al-Qazwīnī yang masyhur digelar dengan gelaran Imām al-Kātibī (m.493H).

Kandungan kitab *Hāshiyah ‘alā tahrīr al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah* terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian-bahagian ini dinamakan sebagai *al-Maqālah* (rencana). Setiap *al-Maqālah* mengandungi perbahasan-perbahasan yang tertentu;

---

<sup>1</sup> *Hāshiyah* bermaksud “apa yang dikaitkan (*‘ulliqā*) pada penerangan kitab dengan penambahan dan penjelasan. Lihat al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (2003), *op. cit.*, h. 321.

**Al-Maqālah yang pertama;** membahaskan tentang pengenalan kepada ‘Ilm al-Manṭiq, kelebihan dan keperluan mempelajarinya.

**Al-Maqālah yang kedua;** membahaskan tentang *al-Mufradat*<sup>1</sup>. Perbahasan mengenainya diperincikan pula kepada empat bahagian. Bahagian-bahagian ini dinamakan dengan *al-Faṣl*.

- (i) *Al-Faṣl* yang pertama membahaskan permasalahan lafaz (*al-Lafz*).
- (ii) *Al-Faṣl* yang kedua membahaskan permasalahan makna mufrad (*ma‘āni al-Mufradah*).
- (iii) *Al-Faṣl* yang ketiga membahaskan permasalahan majmuk dan juzuk (*al-Kullī wa al-Juz’ī*).
- (iv) *Al-Faṣl* yang keempat membahaskan permasalahan definisi (*al-Ta‘rifāt*).

**Al-Maqālah yang ketiga;** membahaskan tentang *al-Qadāyā* (pernyataan) dan hukum-hukumnya. Perbahasan mengenainya diperincikan kepada tiga bahagian yang juga dinamakan dengan *al-Faṣl*.

- (i) *Al-Faṣl* yang pertama membahaskan pernyataan *al-Hamliyyah* (penanggungan). Perbahasan ini mengandungi empat isu yang mana setiap isu dibahaskan dibawah subtopik *al-Baḥth*.
- (ii) *Al-Faṣl* yang kedua membahaskan pernyataan *al-Shartīyyah* (pensyaratan).
- (iii) *Al-Faṣl* yang ketiga membahaskan pernyataan *aḥkām al-Qadāyā* (hukum-hakam pernyataan). Perbahasan ini mengandungi empat isu yang mana isu-isu tersebut juga dibahaskan dibawah subtopik *al-Baḥth*.

---

<sup>1</sup> *Mufradat* merupakan kata jamak kepada kalimah “mufradah”. Ia bermaksud himpunan beberapa perkara serupa dalam memberi maksud yang sama. Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-Ta‘lūm (2003), *op. cit.*, h. 925.

**Al-Maqālah yang keempat;** membahaskan tentang *al-Qiyās* (kiasan).

Perbahasan mengenainya diperincikan kepada lima bahagian yang juga dinamakan dengan *al-Faṣl*.

- (i) *Al-Faṣl* yang pertama membahaskan permasalahan takrif *al-Qiyās*.
- (ii) *Al-Faṣl* yang kedua membahaskan permasalahan *al-Mukhtalīṭāt* (percampuran)<sup>1</sup>.
- (iii) *Al-Faṣl* yang ketiga membahaskan permasalahan *al-Iqtirānāt wa al-Shartīyyāt* (kias secara langsung/tanpa syarat dan bersyarat).
- (iv) *Al-Faṣl* yang keempat membahaskan permasalahan *al-Qiyās al-Istithnā’ī* (kias pengecualian).
- (v) *Al-Faṣl* yang kelima membahaskan permasalahan *Lawāhiq al-Qiyās* (lampiran kiasan).

**Al-Maqālah yang kelima;** adalah *al-Khātimah* (penutup). Perbahasannya menjurus membahaskan dua perkara.

- (i) *Mawād al-Aqyīṣah* (kandungan kiasan).
- (ii) *Ajzā’ al-‘Ulūm* (bahagian-bahagian ilmu).

---

<sup>1</sup> *Al-Mukhtalīṭāt* adalah kiasan yang terhasil daripada pengamatan terhadap sudut-sudut pernyataan (*qaḍiyyah*). Contohnya, *qaḍiyyah* yang berbunyi: setiap keldai ditunggangi Zayd (*kullū ḥimār markūb Zayd*). *Qaḍiyyah* ini dikira sebagai kiasan kemungkinan umum berlaku kerana *qaḍiyyah* menggambarkan Zayd menunggang semua keldai, dan ia adalah mustahil secara realiti. Kiasan ini berbeza dengan kiasan *qaḍiyyah* yang berbunyi: setiap tunggangan Zayd adalah kuda (*kullu markūb Zayd furus*). *Qaḍiyyah* ini dikira sebagai kiasan daruri kerana *qaḍiyyah* menggambarkan setiap kali Zayd menunggang difahami dia menunggang kuda. Lihat keterangan lanjut dalam Maḥmūd al-Rāzī, al-Imām Maḥmūd bin Muḥammad al-Rāzī (1948M), *Tahrīr al-Qawā’id al-Manṭiqiyah*, c. 2, al-Qāhirah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, h. 149.

Melalui *Hāshiyah ‘alā tahrīr al-Qawā‘id al-Manṭiqiyyah*, al-Jurjānī telah menyumbangkan sebuah karya yang bermanfaat untuk memahami ‘Ilm al-Kalām. Sungguhpun karya ini adalah sebuah karya *Manṭiq* yang tidak membahaskan permasalahan ‘Ilm al-Kalām secara langsung, tetapi keperluan mempelajari *Manṭiq* adalah asas yang perlu bagi memahami permasalahan ‘Ilm al-Kalām. Justeru, pemahaman yang sebenar terhadap permasalahan ‘Ilm al-Kalām mestilah berasaskan penguasaan yang ampuh terhadap *Manṭiq*. Dengan penghasilan karya ini, al-Jurjānī telah menyumbangkan satu asas yang penting untuk memahami ‘Ilm al-Kalām seterusnya membuktikan kemampuan beliau dalam menghurai permasalahan aqidah dengan sahih dan terperinci.

(ii) *Risālah fī bayān marātib al-Mawjūdāt fī al-Mawjūdiyyah*<sup>1</sup>

Genre karya yang ringkas ini adalah ‘Ilm al-Kalām. Ia membincangkan tentang sifat-sifat kewujudan (*sifāt al-Wujūdiyyah*). Pada al-Jurjānī, sifat-sifat kewujudan terbahagi kepada tiga bahagian.

### Bahagian Pertama: Kewujudan yang bersifat sandaran

Sifat kewujudan ini diibaratkan seumpama cahaya yang menerangi bumi. Cahaya ini bersifat sandaran (*adāf*) kerana ia bukanlah cahaya yang berpunca daripada bumi. Bahkan bumi mendapatkannya daripada planet lain seperti matahari, bulan dan bintang.

Maksud ibarat ini merujuk kepada kewujudan sesuatu yang bersandar kepada sesuatu yang lain. Ini kerana cahaya yang menerangi bumi bersandar kepada cahaya matahari, bulan atau bintang.

---

<sup>1</sup> Penulis mendapatkan artikel ini daripada halaman web <http://faculty.washington.edu/heer/jujani1.htm>. Dicatatkan di akhir lembaran artikel ini, manuskrip asal artikel ini telah dipindahkan daripada simpanan Yahuda no siri 5373 ke perpustakaan Universiti Brinston.

Al-Jurjānī menyatakan bahawa sesuatu yang bersandar kewujudannya kepada sesuatu yang lain sebagaimana dalam ibarat di atas tepat menggambarkan sifat atau hakikat kewujudan makhluk. Ini kerana kewujudan makhluk bersandar kepada kewujudan Pewujud mereka iaitu Allāh SWT; tanpa kewujudanNya nescaya tidak wujudlah mereka.

### **Bahagian Kedua: Kewujudan yang bersifat mungkin**

Sifat kewujudan ini diibaratkan seumpama cahaya matahari. Cahaya ini bersifat mungkin (*mumkinun*) kerana dari sudut tasawur, cahaya matahari dapat diceraikan daripada objek matahari. Pada sudut penceraian ini, cahaya adalah sifat kepada matahari; tanpanya matahari tidak mungkin dikenali sebagai matahari. Justeru, sesuatu yang boleh diceraikan daripada sifatnya, ia tidak bersifat wajib wujud kerana sesuatu yang bersifat wajib wujud mempunyai hakikat dan sifat yang kekal walau bagaimana keadaan sekalipun.

Jadi, maksud ibarat ini merujuk kepada kewujudan sesuatu yang memiliki sifat yang khusus. Tanpa sifat ini, sesuatu tersebut tidak mungkin dapat dikenali; sebagaimana matahari, ia tidak akan dikenali dengan namanya jika ia tidak bercahaya.

Al-Jurjānī menyatakan, bahawa sesuatu yang memiliki sifat khusus sebagaimana pada ibarat ini tepat menggambarkan Allāh SWT dan sifat yang khusus tersebut ialah wajib wujud (*wājib al-Wujūd*). Dan kenyataan ini merupakan sebuah pandangan yang dipegang oleh jumhur Madhhab Khalaf.

Berpandukan kenyataan ini, Madhhab Khalaf menyifatkan sifat *wājib al-Wujūd* bukanlah suatu sifat yang wajib bagi Allāh SWT kerana sifat ini dapat digambarkan bercerai daripadanya. Tidakkah sifat *wājib al-Wujūd* pada Allāh hanya dikenali tatkala membandingkan kewujudanNya dengan kewujudan makhluk? Bagaimana sifat wujudNya sebelum kewujudan makhluk? Tidakkah lebih tepat digambarkan Allāh

telah wujud dengan tanpa perlu disifatkan wajib atau sebagainya? Justeru, pada sudut ibarat ini, sifat *wājib al-Wujūd* boleh disifatkan sebagai sifat mungkin pada Zat Allāh SWT. Ini kerana ia tidak kekal disifatkan pada Allāh tatkala tiada sesuatu yang menjadi bandingan kepada kewujudanNya. Sebagaimana cahaya dapat diceraikan daripada matahari; sesuatu yang boleh diceraikan daripada sifatnya, ia tidak bersifat wajib wujud kerana wajib wujud kekal walau bagaimana keadaan sekalipun.

### **Ketiga: Kewujudan yang bersifat wajib**

Sifat kewujudan ini diibaratkan seumpama hakikat cahaya itu sendiri. Ia bersifat wajib (*wūjūbān*) kerana cahaya (*nūr*) adalah suatu nama yang menjelaskan hakikat zatnya sendiri. Mustahil nama dan hakikat ini dapat dipisahkan, dan kemustahilan inilah yang membuktikan bahawa sifat bercahaya adalah sesuatu yang wajib bagi setiap yang dikenali sebagai cahaya. Ia tidak boleh disifatkan sandaran kerana ia tidak diterangi malah ia menerangi setiap sesuatu yang lain.

Maksud ibarat ini menjelas dan menggambarkan bagaimana sifat wujud ini merujuk kepada zat sesuatu itu sendiri. Ini bermakna, sesuatu ini mustahil dapat dipisahkan daripada sifat wujudnya; sebagaimana cahaya, ia mustahil dapat dipisahkan daripada hakikat menerangi kerana hakikat menerangi itu adalah juga zatnya.

Al-Jurjānī menyatakan, bahawa sesuatu yang mana zatnya adalah sifat wujud ialah Allāh SWT dan sifat tersebut ialah *wājib al-Wujūd*. Dan kenyataan ini merupakan sebuah pandangan yang dipegang oleh jumhur Madhhab *al-Salaf al-Šālih*.

Berpandukan kenyataan ini, Madhhab *al-Salaf al-Šālih* menyifatkan sifat *wājib al-Wujūd* adalah suatu sifat yang wajib bagi Allāh SWT, ini kerana sifat ini mustahil dapat diceraikan daripadanya. Tidakkah Zat Allāh bersalah dengan zat makhluk? Jika zat mereka bersifat mungkin maka Zatnya pasti bersifat wajib, dan sifat wajib ini kekal sama ada sebelum makhluk wujud atau selepasnya. Jelasnya lagi, ia kekal walau

bagaimana keadaan sekalipun. Dan tasawwur Madhhab *al-Salaf al-Šāliḥ* ini dipersetujui oleh golongan sufi yang mendasari akidah yang sebenar (*al-Šuffah al-Muwahhidūn*).

Karya *Risālah fī bayān marātib al-Mawjūdāt fī al-Mawjūdiyyah* ini telah ditulis oleh al-Jurjānī dalam Bahasa Parsi. Ia kemudiannya diterjemahkan kepada Bahasa Arab oleh Kamāl bin Shahāb al-Dīn al-Nisābūrī<sup>1</sup>.

## 2.6 *Sharh Al-Mawāqif* dan Sumbangannya Kepada Dunia Islam

*Sharh al-Mawāqif* merupakan sebuah karya yang menghuraikan kandungan kitab *al-Mawāqif* yang dikarang oleh Imām ‘Abd al-Rahmān bin Aḥmad bin ‘Abd al-Ghaffār al-İjī (m.756H). Karya ini membicarakan tentang permasalahan-permasalahan ‘Ilm *al-Kalām* secara menyeluruh. Ia bukan sahaja membentangkan pendapat dan hujah yang dikemukakan oleh Madhhab Ashā‘irah malah memuatkan pendapat dan hujah jumhur mutakallimun meskipun daripada Madhhab Mu‘tazilah dan Ḥukamā’. Justeru, *Sharh al-Mawāqif* bukan sahaja menjelaskan pandangan Madhhab Ashā‘irah bahkan mengutarakan persepsi Madhhab-Madhhab mutakallimun yang lain terhadap satu-satu isu akidah.

Selain itu, maklumat yang mendalam dan terperinci terhadap isu-isu yang terkandung dalam *Sharh al-Mawāqif* menggambarkan ia seumpama sebuah ensiklopedia ‘Ilm *al-Tawḥīd* berorientasikan pengolahan Madhhab Ashā‘irah (*al-mawsū‘ah ‘Ilm al-Tawḥīd ‘alā Madhhab al-Ashā‘iriyah*).

<sup>1</sup> Tujuan teks ini diterjemah dinyatakan sendiri oleh Kamāl al-Nisābūrī: “Risalah ini telah ditulis oleh al-Sayyīd al-Shāfi‘ dengan bahasa asing (Parsi) dalam membuktikan hakikat sebenar kewujudan dan tujuan sebenar daripada memahami akidah. Ia merupakan satu mesej yang mulia ibarat mutiara yang halus dalam bentuk yang kecil tetapi besar faedahnya. Saya terjemahkannya kepada Bahasa Arab kerana ia adalah sefasih-fasih bahasa dan sebaik-baik manfaat kepada umat Islam untuk memahami dan mendalami kebaikan risalah ini demi kesenangan serta kejayaan...”. *Ibid.*

### **2.6.1 Tujuan Penulisan *Sharḥ al-Mawāqif***

Terdapat beberapa tujuan mengapa al-Jurjānī menghasilkan *Sharḥ al-Mawāqif*, antaranya ialah;

#### **(i) Prinsip Belajar al-Jurjānī**

Sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Sakhāwī daripada Ibn Sabṭah, bukti al-Jurjānī meminati sesuatu bidang ilmu itu ialah beliau akan menghuraikan karya alim-ulama' yang dikira memberi manfaat yang besar kepada diri beliau. Dan manfaat tersebut ialah membantu beliau dalam memahami setiap apa yang dipelajarinya. Di antara karya yang memberi manfaat tersebut ialah *al-Mawāqif*<sup>1</sup>.

#### **(ii) Penghormatan Daripada Pembesar Islam**

Al-Mawlā ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī al-Tūsī berkata, al-Jurjānī diminta oleh Sultān Bayazīd agar menghuraikan *al-Mawāqif* untuk menjadi rujukan menyeluruh kepada pengajian akidah di salah sebuah institusi pengajian *Thamān*<sup>2</sup>. Permintaan ini merupakan satu penghormatan daripada kerajaan Islam Parsi kepada al-Jurjānī setelah menyedari keilmuan beliau dalam bidang akidah. Boleh dikatakan penghormatan ini merupakan tujuan rasmi *Sharḥ al-Mawāqif* dihasilkan.

#### **(iii) Sumbangan Kepada Bidang Akidah**

Al-Taftāzānī menyedari betapa umat Islam pada zaman beliau memerlukan satu bentuk penghuraian yang menyeluruh lagi mendalam terhadap permasalahan *Tawhīd*. Ini disebabkan oleh beberapa faktor.

---

<sup>1</sup> Al-Sakhāwī (t.t), *op. cit.*, h. 328.  
<sup>2</sup> *Ibid.*

Antaranya ialah, karya-karya ‘Ilm al-Tawḥīd terdahulu lebih tertumpu membincangkan permasalahan akidah dalam bentuk yang ringkas dan hanya menjurus membincangkan beberapa isu yang tertentu. Ia berpunca daripada sifat *wara’ alim-ulama’* terdahulu yang menjauhi membicarakan perkara yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat umum, dan ‘Ilm al-Kalām pada zaman tersebut bukan sahaja dianggap baru dan mengelirukan bahkan setengah golongan ulama’ *salaf*<sup>1</sup> menghukumnya bida’ah dan *lagħā*. Akan tetapi, pada zaman al-Taftāzānī, ‘Ilm al-Kalām telah menjadi satu disiplin ilmu yang harus dipelajari. Dengan itu, penghuraian terhadapnya secara lebih menyeluruh diperlukan demi memenuhi pendidikan akidah pada masa tersebut.

Selain itu, faktor yang memangkin penghuraian menyeluruh terhadap permasalahan ‘Ilm al-Kalām diperlukan ialah kerana fahaman Mu’tazilah, Ḥukamā’ dan Khawārij telah dihidupkan kembali dengan wajah-wajah yang baru oleh golongan-golongan tertentu<sup>2</sup>. Ia berpengaruh dalam merosakkan ikatan ukhwah umat Islam. Justeru, dengan penghuraian yang menyeluruh terhadap permasalahan ‘Ilm al-Kalām, umat Islam boleh merujuknya untuk mengenal pasti iktikad yang mereka anuti dan menyucikannya daripada anutan yang palsu.

Bertitik-tolak daripada faktor-faktor ini, al-Taftāzānī menyarankan al-Jurjānī agar menyumbangkan pengalaman beliau dalam bidang akidah. Bahkan al-Taftāzānī sendiri telah menghasilkan *Sharḥ al-Maqāṣid* demi memenuhi saranan tersebut.

---

<sup>1</sup> Diantara individu yang masyhur menolak ‘Ilm al-Kalām sebagaimana disebutkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī ialah Imam Aḥmad dan Abū Ḥarīth al-Muḥāsibī. Mereka menolak ‘Ilm al-Kalām kerana ia adalah senjata Mu’tazilah dalam mengelirukan masyarakat. Mendalamnya bermaksud membawa diri ke kancan kekeliruan. Dalam *al-Tabaqāt al-Shāfi’iyyah*, Ibn al-Subkī menyatakan bahawa Imam Aḥmad sangat tegas menolak ‘Ilm al-Kalām kerana bimbang membahaskan perkara yang sepatutnya dibahas seperti Zat Allāh dan hal-hal *ghaybiyyah* yang menyesatkan orang awam. Abī ‘Abd Allāh al-Ḥārith bin Asad al-Muḥāsibī al-Baṣrī (2000), *Risālah al-Mustarshidin*, taḥqīq ‘Abd al-Fatāḥ Abū Ghuddah, c. 10, Bayrūt: Dār al-Salām, h. 50,51.

<sup>2</sup> Golongan-golongan tersebut ialah *al-Bahrah* dan *Aghakhāniyyah* yang menghidupkan fahaman Syiah-Mu’tazilah; *al-Durdhiyyah* yang menghidupkan fahaman *Batīniyyah*-Syiah. Lihat al-Shāqqah, Dr. Muṣṭafā Muḥammad al-Shāqqah (1994), *Islām bi Lā Madhāhib*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 207, 220.

## 2.6.2 Kepentingan *Sharḥ al-Mawāqif*

Kepentingan *Sharḥ al-Mawāqif* dilihat dari beberapa sudut, antaranya;

(i) **Perbahasan Menyeluruh Terhadap Permasalahan ‘Ilm al-Kalām.**

Al-Jurjānī telah menghimpunkan perbahasan menyeluruh terhadap permasalahan ‘Ilm al-Kalām sama ada yang dibincangkan oleh Madhhab Ashā‘irah mahupun Madhhab-Madhhab lain. Dari sudut ini, *Sharḥ al-Mawāqif* diibaratkan seperti sebuah ensiklopedia ‘Ilm al-Kalām.

(ii) **Rujukan Terkini ‘Ilm al-Kalām Madhhab Ashā‘irah.**

Selain menghimpunkan perbahasan menyeluruh terhadap ‘Ilm al-Kalām, al-Jurjānī telah melakukan *tarjīh* ke atas pandangan-pandangan mutakallimun khasnya Ashā‘irah. Di samping itu, oleh kerana *Sharḥ al-Mawāqif* dihasilkan pada kurun ke-9 Hijrah ia dianggap sebagai rujukan perbahasan terhadap keseluruhan permasalahan ‘Ilm al-Kalām yang terkini dalam Madhhab Ashā‘irah. Ia sebaris dengan *Sharḥ al-Maqāṣid* yang dikarang oleh al-Taftāzānī<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup> Dr. Ahmad al-Mahdī (1987), *Dirāsah al-Taḥqīqiyyah wa al-Ta’līqāt ‘alā Sharḥ al-Mawāqif fi ‘Ilm al-Kalām*, al-Qāhirah: Jāmi‘ah al-Azhar al-Shāfi‘, h. 20. Oleh kerana keistimewaan ini, *Sharḥ al-Mawāqif* juga mempunyai kepentingan yang besar kepada Universiti al-Azhar al-Shāfi‘. Berpandukan keterangan yang disebut oleh Prof. Dr. Muhyī al-Dīn al-Ṣāfi, *Sharḥ al-Mawāqif* telah menjadi silibus utama pengajian ‘Ilm al-Tawhīd jabatan ‘Aqīdah wa Falsafah Universiti al-Azhar al-Shāfi‘, penulis telah diajar untuk memahami *uṣlub* kandungan *Sharḥ al-Mawāqif* dan penulis dapati ia sebuah karya ‘Ilm al-Kalām yang tulen. Ini kerana, ia tidak meninggalkan sebarang isu yang dibahaskan melainkan diuraikan dengan kaedah mantik yang halus dan mendalam. Di samping itu, kaedah bahasa (*qawā‘id al-lughawiyyah*) yang digunakan oleh al-Jurjānī dalam menerangkan setiap isu, menghasilkan pemahaman yang jelas terhadapnya dari segi *majazī* dan *ma‘nawī*. Oleh kerana itu, tidak hairan mengapa *Sharḥ al-Mawāqif* mempunyai kedudukan yang tersendiri di al-Azhar dan institusi pengajian tinggi dunia yang lain bahkan ia terus menerus dikaji oleh sarjana Islam seperti Allāh yarḥam Prof. Dr. Ahmad al-Mahdī dan barat seperti Dr. Nicholas Heer.

### **2.6.3 Metodologi Penulisan *Sharḥ al-Mawāqif***

Sebagaimana susunan *al-Mawāqif* yang dilakukan oleh al-Ījī, al-Jurjānī mengekalkan susunan al-Ījī tersebut dalam menghuraikan *Sharḥ al-Mawāqif*. Susunan tersebut dijelaskan sebagaimana berikut;

#### **a. *Al-Mawqif***

*Mawqif* dari segi dari segi bahasa bermaksud perhentian<sup>1</sup>. Di dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, *al-Mawqif* tepat dimaksudkan dengan permasalahan atau kes<sup>2</sup>. Ia merujuk kepada tajuk umum setiap permasalahan utama yang dibincangkan. Al-Jurjānī membahagikan *al-Mawqif* kepada enam bahagian;

**(i) *Al-Mawqif al-Awwal fi al-Muqaddimāt* (permasalahan pertama pada membicarakan tentang pendahuluan)**

*Al-Mawqif al-Awwal* menghuraikan tentang pengenalan kepada ‘Ilm ‘Aqīdah. Huraian ini dilihat dari sudut kelebihannya; hukum mempelajarinya; bahagiannya; sumbernya; perbandingannya dengan ilmu-ilmu lain; panduan mempelajarinya; kronologi sejarah perkembangannya; dan tokoh-tokoh masyhur yang membicarakannya.

**(ii) *Al-Mawqif al-Thānī fi al-‘Umūr al-Āmmah* (permasalahan kedua pada membicarakan tentang perkara-perkara umum).**

*Al-Mawqif al-Thāni* menghuraikan tentang permasalahan wujud serta tiada (*al-Wujūd wa al-‘Adām*) dan inti sari sesuatu (*al-Māhiyah al-Ashyā’*). Perkara-perkara yang disentuh di dalam menghuraikan dua permasalahan ini ialah; takrif kedua-duanya dari

---

<sup>1</sup> Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (2003), *op.cit.*, h. 1328.

<sup>2</sup> Berkata al-Ījī, mengapa dinamakan kitab ini sebagai *al-Mawāqif* kerana terdapat banyak *mawqif* di dalamnya. Al-Jurjānī menterjemahkan *mawqif* yang disebut oleh al-Ījī dengan perhentian (*al-labth*) dan pengajian (*al-dirāyah*). Al-Jurjānī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 35.

sudut istilah; bagaimana pandangan mutakallimun terhadap dua permasalahan ini; bagaimana dua permasalahan ini dibahagikan kepada kategori majmuk (*al-kullī*) dan juzuk (*al-juz iñī*); bagaimana dua permasalahan ini dilihat dari sudut benda ('*ayniyyah*), dari sudut pengamatan (*dhihniyyah*), dari sudut pelafazan (*lafzīyyah*) dan konsep penulisan (*khattīyyah*); bagaimana berlakunya kesinambungan di antara kewujudan (*al-Wujūd*) dengan inti sari sesuatu (*al-Māhiyah*); dan bagaimana tercetusnya konsekuensi pertentangan (*tadād*), perubahan (*taghāyyur*), sebab dan akibat (*al-'illah wa al-ma 'lūliyyah*) dan salasilah (*al-tasalsul*).

(iii) ***Al-Mawqif al-Thālith fī al-A'rād* (permasalahan ketiga pada membicarakan tentang sifat luaran<sup>1</sup>**

*Al-Mawqif al-Thālith* menghuraikan tentang konsep *al-Kulliyah* (keseluruhan perkara); konsep *al-Kammiyyah* (bilangan); dan konsep *al-Kayfiyyah* (kebagaimanaan). Bagaimana untuk memahami konsep-konsep ini ia dilihat melalui kaedah-kaedah berikut;

**Kaedah inderawi (*maḥsūrah*)** yang terbahagi kepada lima jenis; sentuhan (*malmūrah*); melihat (*mubṣirāt*); mendengar (*masmū 'āt*); kecapan (*madhūqāt*); dan menghidu (*mashmūmāt*).

**Kaedah pencerapan (*idrāk*)** yang memperkatakan tentang tujuh perkara; hakikat pencerapan (*haqīqah al-idrāk*); jenis-jenis pencerapan (*anwā' al-idrāk*); berpecahnya pengetahuan kepada yang bersifat qadim dan baharu (*inqasām al-'Ilm ilā qadīm wa hādīth*); pertukaran ilmu teoretikal menjadi ilmu daruri (*inqilāb al-'Ilm al-naẓrī ilā dārūrī*); perselisihan ulama' terhadap berbilangnya ilmu-ilmu baharu

<sup>1</sup> 'Araḍ bermaksud luaran. Ia merupakan kalimah antonim kepada kalimah *jawhar* yang bermaksud apa yang mendirikan maksud zat. Jisim adalah contoh kepada *jawhar* kerana ia tunggal dan tidak memerlukan perkara lain untuk menzahirkan dirinya. Manakala warna adalah contoh kepada 'araḍ kerana ia berbagai dan memerlukan jisim untuk menzahirkan dirinya. Al-Ghazzālī, Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Tūsī Abū Ḥāmid al-Ghazzālī (t.t), *Mi'yār al-'Ilm fī al-Manṭiq*, al-Qāhirah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 348.

disebabkan berbilangnya maklumat (*ikhtilāf al-‘Ulamā’ fī ta‘adud al-‘Ilm al-Hādith bi ta‘adud al-Ma‘lūm*); sarang ilmu adalah hati (*maḥallī al-‘Ilm huwa al-Qalb*); akal adalah pusat tanggungjawab (*al-‘Aql manāt al-Taklīf*).

**Kaedah yang khusus berkaitan dengan bilangan (*kayfiyāt al-Mukhtaṣah bi al-Kammiyyāt*)** yang membicarakan tiga perkara: bentuk yang terhasil daripada cara (*al-shakl min al-Kayfiyyāt*); sudut yang terhasil daripada bilangan (*al-zāwiyah min al-Kam*); kaedah pembilangan (*al-kayfiyyāt al-Isti‘dādiyyah*).

(iv) ***Al-Mawqif al-Rābi‘ fī al-Jawāhir* (permasalahan keempat pada membicarakan tentang inti sari setiap sesuatu)**

*Al-Mawqif al-Rābi‘* menghuraikan tentang dua rencana (*maqālatayn*). Rencana pertama berkaitan dengan sesuatu yang berhubung dengan jisim dan rencana kedua berkaitan dengan sesuatu yang tidak berhubung dengan jisim.

**Rencana yang pertama:** Sesuatu yang berhubung dengan jisim membahaskan dua perkara; sesuatu yang berkaitan keseluruhannya dengan sifat jisim (*fī mā yata‘alaq bi al-Ajsām ‘alā al-Ijmāl*); dan jisim yang bersifat tersusun, tunggal, angkasaraya dan berunsur (*jism murakkab wa basīṭ wa falakiṭ wa ‘unṣūri*).

**Rencana yang kedua:** sesuatu yang tidak berhubung dengan jisim membahaskan dua perkara: hati nurani atau jiwa (*fī al-Nafs*); dan akal (*fī al-‘Aql*).

- (v) *Al-Mawqif al-Khāmis fī al-Ilāhiyyāt* (permasalahan kelima pada membicarakan tentang ketuhanan)

*Al-Mawqif al-Khāmis* menghuraikan tentang penelitian-penelitian terhadap: sifat zat (*al-Dhāt*); penyucian (*al-tanzihāt*); sifat-sifat kewujudan (*al-sifāt al-Wujūdiyyah*); hal-hwal yang wajib bagi Allāh (*aḥwāl al-Wājib Ta‘ālā*); PerbuatanNya SWT (*Af‘ālahu Ta‘ālā*); cabang perbuatan (*tafāri‘ al-Af‘āl*); dan Nama-nama Allāh SWT (*Asmā’ Allāh Ta‘ālā*).

- (vi) *Al-Mawqif al-Sādis fī al-Sam‘iyāt* (permasalahan keenam pada membicarakan tentang perkara-perkara yang didengari dari wahyu)

*Al-Mawqif al-Sādis* menghuraikan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan; kenabian (*al-Nubuwah*); kebangkitan setelah mati (*al-Ma‘ād*); tujuan-tujuan tertinggi dan hukum-hakam (*al-Asāmi’ wa al-Aḥkām*); dan kepimpinan (*al-Imāmah*).

### b. *Al-Marṣad*

Kalimah *marṣad* dari segi bahasa ditakrifkan dengan maksud cabang<sup>1</sup>. Dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, *al-Marṣad* lebih sesuai dimaksudkan sebagai permasalahan cabang yang terkandung dalam permasalahan utama<sup>2</sup>. Ia merupakan bahagian perbincangan terhadap permasalahan yang dipecahkan di bawah perbincangan *al-Mawqif*. Sebagai contoh, *al-Marṣad* yang membincangkan tentang permasalahan Perbuatan Allāh yang mana permasalahan ini merupakan satu bahagian pecahan kepada perbincangan yang dibincang dalam *al-Mawqif* kelima yang memperkatakan tentang *ilāhiyyāt*.

### c. *Al-Qism*

Kalimah *qism* dari segi bahasa ditakrifkan dengan maksud bahagian<sup>3</sup>. Dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, *al-Qism* merupakan bahagian perbahasan yang memperincikan perbincangan terhadap permasalahan-permasalahan yang dibincangkan dalam *al-Mawqif*.

Di sini kita dapatkan kedudukan *al-Qism* menyamai kedudukan *al-Marṣad* kerana *al-Marṣad* juga memperincikan perbincangan terhadap permasalahan-permasalahan yang dibincangkan dalam *al-Mawqif*. Namun yang membezakan antara kedua-duanya ialah, *al-Marṣad* memperincikan kebanyakan perbincangan yang dibincangkan dalam *al-Mawqif* kecuali *al-Mawqif* ketiga dan keempat yang mana kedua-duanya diperincikan oleh *al-Qism*.

---

<sup>1</sup> *Marṣad* bermaksud aturan yang menetapkan gerakan bintang-bintang dan peredaran cuaca. Lihat al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (2003), *op.cit.*, h. 527.

<sup>2</sup> Tiada pengutaraan sebab secara khusus yang diutarakan oleh al-Ījī atau al-Jurjānī berhubung penggunaan *al-Marṣad* ini. Tetapi dalam satu ibarat yang disebutkan al-Ījī, beliau mewujudkan suatu keterangan cabang bertujuan menjaga keterangan induk agar ia tidak dikelirukan. Keterangan cabang ini merupakan petanda (*rāmizān*) yang menghuraikan keterangan induk. Al-Jurjānī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 35.

<sup>3</sup> Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm (2003), *op.cit.*, h. 986.

#### **d. *Al-Maqṣad***

Kalimah *maqṣad* dari segi bahasa ditakrifkan sebagai tujuan atau kehendak<sup>1</sup>. Dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, *al-Maqṣad* lebih sesuai difahami sebagai kemuncak perbincangan atau kesimpulan terhadap satu-satu permasalahan<sup>2</sup>. Ia memperincikan perbincangan terhadap permasalahan yang dibincangkan dalam *al-Marṣad*. Berbeza daripada *al-Marṣad* dan *al-Qism*, *al-Maqṣad* bukan sahaja memperincikan perbincangan terhadap permasalahan-permasalahan malah ia merumus dan mengutarakan natijah serta pendapat yang sepatutnya diterima dalam satu-satu permasalahan.

#### **2.6.4 Susunan Kandungan *Sharḥ al-Mawāqif***

Al-Jurjānī menyusun penghuraian terhadap permasalahan-permasalahan dalam *Sharḥ al-Mawāqif* mengikut aturan berstruktur yang tertentu. Ini dijelaskan sebagaimana berikut;

##### **a. Menggambarkan isu yang akan dibahaskan**

Al-Jurjānī memulakan huraian terhadap sesuatu permasalahan dengan menggambarkan apakah isu yang akan dibahaskan. Gambaran ini merangkumi kenyataan berkaitan isu tersebut, bagaimana ia timbul dan apakah ia diperselisihkan atau tidak. Jika ia diperselisihkan, pada apakah ia diperselisihkan dan siapakah yang berselisih mengenainya.

---

<sup>1</sup> *Maqṣad* bermaksud tujuan terakhir. *Ibid.*, h. 989.

<sup>2</sup> Al-Jurjānī menyifatkan *al-Maqṣad* adalah tujuan ‘Ilm al-Kalām dalam meraikan bijaksana akal dan kemuliaan Allāh SWT. al-Jurjānī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 12.

**b. Mengetengahkan pandangan Madhhab Ashā‘irah**

Setelah menggambarkan isu yang akan dibahaskan, al-Jurjānī mengetengahkan pandangan Madhhab Ashā‘irah terhadap isu tersebut bagi mengetahui bagaimanakah penilaian mereka terhadapnya. Sebagai seorang berfahaman Ashā‘irah, al-Jurjānī menyokong pandangan Madhhab Ashā‘irah dan ketara menyifatkan mereka sebagai “Madhhab *al-Haq*” atau “Madhhab *ahl al-Haq*”.

**c. Mengemukakan pandangan mutakallimun yang lain**

Setelah mengetengahkan pandangan Madhhab Ashā‘irah terhadap isu yang dibahaskan, al-Jurjānī mengemukakan pandangan-pandangan mutakallimun yang lain yang mempunyai kaitan dengan isu tersebut. Mana-mana pandangan yang bertentangan atau mempunyai kesamaran maksudnya, al-Jurjānī akan utarakan hujah penolakan atau kritikan secara ilmiah.

**d. Mendahulukan hujah ‘*aqlī* berbanding dalil *naqlī***

Terhadap pandangan-pandangan mutakallimun yang bertentangan dengan pandangan Ashā‘irah dan yang mempunyai kesamaran maksud terhadap isu yang dibahaskan, al-Jurjānī menolak atau mengkritiknya dengan hujah ‘*aqlī*. Ini bertujuan untuk menilai suatu pandangan tersebut, apakah ia benar dan boleh diterima oleh akal. Setiap pandangan yang dinilai, jika ia tidak dapat diterima oleh akal maka ia tidak ampuh untuk menjelaskan isu akidah yang dibahaskan, dan seterusnya ia tidak layak menghuraikan keterangan maksud wahyu yang menjadi dalil *naqlī* terhadap isu tersebut.

#### e. Merumuskan perbincangan

Setelah menilai sesuatu pandangan melalui hujah ‘*aqlī*, al-Jurjānī merumuskan perbincangan terhadap isu yang dibahaskan dengan menyesuaikannya dengan keterangan yang terdapat daripada dalil *naqlī*. Kemudian, beliau menjelaskan bagaimana pandangan Mahdhab Ashā‘irah menepati mafhum dalil *naqlī* ini.

#### 2.6.5 Pandangan Ulama’ Terhadap *Sharḥ Al-Mawāqif*

Bagi melihat nilai sumbangan *Sharḥ al-Mawāqif* kepada bidang ‘*Ilm al-Kalām*, penulis bawakan di sini beberapa pandangan dan pujian ulama’ terhadapnya.

Tatkala menerima kitab *Sharḥ al-Mawāqif* daripada al-Mawlā Khawājah Zādah, al-Jalabī<sup>1</sup> telah mengambil masa yang lama untuk meneliti huraihan-huraian yang telah dikemukakan oleh al-Jurjānī. Al-Jalabī berkata, sesungguhnya huraihan-huraian tersebut amat kritis serta mendalam dan beliau tidak mampu menyediakan *Hāshiyah* baginya seorang diri. Lalu beliau bahagikan *Sharḥ al-Mawāqif* kepada beberapa naskhah dan mengirimkannya kepada murid-murid beliau agar mereka bergandingan demi menghasilkan *Hāshiyah* yang lengkap untuk *Sharḥ al-Mawāqif*<sup>2</sup>.

Manakala Ibn Ḥāfi<sup>3</sup> pula menyifatkan *Sharḥ al-Mawāqif* sebagai sebuah karya yang lengkap membicarakan permasalahan ‘*Ilm al-Kalām*. Bagi beliau, al-Jurjānī telah menghadiahkan satu sumbangan yang besar kepada umat Islam dalam memahami *uṣūl* dan *furu‘* ‘*Ilmu al-Tawhid*<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> Beliau ialah al-Mawlā Jalabī bin Muhammad Shāh al-Fanārī, salah seorang penulis *Hāshiyah Sharḥ al-Mawāqif*.

<sup>2</sup> Al-Shawkānī (1327H), *al-Badr al-Tāli‘*, j. 1, al-Qāhirah: Tab‘ah al-Sa‘ādah, h. 326.

<sup>3</sup> Beliau ialah al-Mawlā ‘Alī bin Amrillah, salah seorang murid kepada al-Jalabī.

<sup>4</sup> Al-Dimyāṭī (1998), *op. cit.*, j.1, h. 4.

Dan al-Taftāzānī dalam menyifatkan keelokkan olahan al-Jurjānī terhadap *Sharḥ al-Mawāqif*, berkata:

Tiada jalan lain bagi kita selain menjelaki kesan dan mendedahkan kehalusan seni yang dirahsiakannya, malah wajib kita menghirup manisan dari lautan ilmunya dan membasahi diri dengan cahaya terang benderangnya”<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> *Ibid.*